

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

TINDAKAN PEMANTAUAN TERHADAP PENIAGA-PENIAGA AYAM DI BAWAH AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (AKHAP) 2011

PUTRAJAYA, 11 JULAI 2020 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menerima maklumat berhubung aduan orang ramai yang telah menyatakan berlakunya kenaikan harga ayam di Pasar-Pasar Basah Awam.

Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP telah melaksanakan pemeriksaan untuk mengenal pasti peringkat rangkaian pembekalan yang memulakan punca kenaikan tersebut serta mengesan sekiranya wujud aktiviti pencatutan di bawah perundangan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Tindakan pemeriksaan tersebut telah mula dilaksanakan pada 18 Jun 2020 oleh pegawai penguat kuasa KPDNHEP seluruh negara ke atas peruncit di Pasar-Pasar Awam, pemborong serta pengeluar ayam.

Secara keseluruhannya sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 353 premis telah diperiksa yang terdiri daripada 280 peruncit, 50 pemborong dan 23 pengeluar/penternak ayam. Berdasarkan jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak 310 premis telah dikemukakan notis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 bagi mendapatkan maklumat awal kenaikan harga yang berlaku dan 286 daripada jumlah notis tersebut akan diteruskan

pemeriksaan untuk mendapatkan perincian maklumat bagi tujuan siasatan di bawah pencatutan.

Sehingga 10 Julai 2020, sebanyak lapan (8) kertas siasatan telah dibuka ke atas peniaga-peniaga ayam kerana disyaki melakukan kesalahan mencatut yang melibatkan empat (4) peruncit Pasar Awam di Melaka serta empat (4) pemborong iaitu satu (1) di Melaka dan tiga (3) di Kuala Lumpur. Siasatan lanjut sedang dijalankan di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011.

#####

**DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN HAJI SULAIMAN
PENGARAH PENGUAT KUASA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

11 JULAI 2020